

Lecturer's Contribution

'Nenek' Naik ATV

oleh Prof. Madya Dr. Rofiza Aboo Bakar

Mac 2022 - Sudah genap dua tahun Malaysia bergelumang dengan pandemik Covid-19. Sukar untuk bergerak jauh. Namun, kesempatan dikurniakan Tuhan untuk melawat tempat-tempat menarik dalam negara sendiri selalu disyukuri.

Kesempatan melawat Kuantan, Pahang membawa beberapa keseronokan ringkas tetapi menyegarkan. Pahang begitu sinonim dengan ikan patin masak tempoyak. Jadi, restoran bernama 'Jaman Tory' menjadi pilihan hati. Menurut seorang stafnya yang sungguh ramah melayan bila diketahui penulis dari Pulau Pinang, 'Jaman Tory' membawa makna 'Zaman Dahulu' dalam dialek Pahang. Ikan patin bakar, ikan patin masak tempoyak, daging salai lemak dan sayur-sayuran membuatkan penulis makan bertambah-tambah.

Penulis menginap beberapa hari di Swiss Garden, sebuah hotel lama tetapi diselenggara dengan baik. Untung mendapat bilik yang mengadap laut nan menghijau dan kolam yang tampak sungguh jernih dan biru warnanya. Dapat ianya memberi inspirasi menghabiskan beberapa tugas.

Bila bercuti, inilah masanya untuk memanjakan diri walau sebentar. Badan yang sudah sedia lenguh dibawa menjengah spa Cemara Puri untuk diremajakan. Adik yang mengurut orang tempatan tetapi tekanan jari-jemarinya persis orang Bali. Cuma, beliau kurang mesra dengan pelanggan. Mungkin beliau seorang yang begitu pemalu.

Pada petang hari, walaupun ombak laut menggila membadai pantai, diri ini terpanggil merendamkan badan ke dalam Pantai Balok berhampiran Laut Cina Selatan. Bukan tidak takut dengan

ombak besar itu, tetapi kesempatan yang ada harus diambil. Mana tahu, mungkin tiada lagi lawatan kali kedua selepas ini.

Menaiki ATV juga menyeronokkan. Dengan bayaran sekeping not ungu, bolehlah berada di atasnya selama sejam menyusuri pantai pergi dan balik beberapa kali. Tampak mudah. Memang mudah jika pasir laut itu keras dan lurus. Tetapi agak sukar mengawalinya jika sampai ke kawasan yang pasirnya gebu.

Kolam yang ada takkan nak dibiarkan begitu saja? Walaupun dah agak jelak kerana hampir setiap minggu harus berada di kolam renang di negeri sendiri, ini adalah masa yang terbaik untuk bersenam. Akan tetapi apabila nampak sekumpulan kanak-kanak yang takut-takut dan terkial-kial di dalam kolam yang dalam berbanding dengan ketinggian mereka, terasa kasihan pula. 'Kelas' percuma diberikan walaupun tidak diminta. Itu naluri seorang guru. Diajar mereka untuk mengapungkan diri. "Nenek pandai berenang, terima kasih ajar kami," ujar seorang kanak-kanak comel berusia tujuh tahun yang lebih berani dan peramah berbanding dengan sepupu-sepupunya yang lain. Emm ... panggilan yang dilontarkan itu menjadikan penulis tersentak sebentar pada mulanya tetapi kemudian tertawa besar. Tersedar bahawa sudah semakin menua diri ini walaupun di spa tadi terasa seakan-akan keremajaan kembali bertaut.

Tidak mengapa, nenek pun neneklah ya. Tahun ini akan menyaksikan usia menginjak ke separuh abad. Angka itu mengingatkan diri bahawa 'destinasi' sudah semakin dekat, tidak dapat disekat. Namun, 'perjalanan' mesti diteruskan: kadangkala ianya lurus dan mudah; ada ketikanya pula, ia berliku dan sukar. Hampir sama dengan percubaan 'nenek' naik ATV tadi!



Ikan patin bakar dan masak lemak yang boleh dipesan dari Restoran Jaman Tory. Siap datang dengan api yang menyala-nyala



'Nenek' mencuba naik ATV.



Pemandangan kolam dan Pantai Balok dari dalam bilik penginapan



Singgah di buaian merehat minda sambil menikmati keindahan alam

